



SIARAN MEDIA

TASK FORCE PERGIATKAN USAHA PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA SAKIT DAN TERBENGKALAI

PUTRAJAYA, 25 Oktober 2024 - YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mempengerusikan Mesyuarat *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) Bilangan 5 Tahun 2024 pada 27 September 2024 yang bersidang dua (2) bulan sekali bagi meneliti, memantau statistik dan status terkini projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai di Malaysia.

Sehingga 30 September 2024, TFST telah mengesan dan memantau sebanyak 303 projek lewat, 379 projek sakit, serta 113 projek terbengkalai. Terdapat penurunan dalam jumlah projek lewat dan terbengkalai berbanding laporan sehingga 31 Ogos 2024, iaitu masing –masing satu (1) penurunan daripada 304 projek kepada 303 projek dan 114 projek terbengkalai kepada 113 projek. Manakala terdapat peningkatan 10 projek sakit kepada 379 projek pada September 2024 berbanding bulan sebelumnya iaitu 369 projek sakit direkodkan.

Secara keseluruhannya, pencapaian TFST bagi tempoh 1 Januari 2024 hingga 30 September 2024 adalah sebanyak **371 projek iaitu 46,139 unit perumahan swasta telah berjaya dipulihkan dengan Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value, GDV*) bernilai RM44.59 bilion**. Jumlah projek yang berjaya ini merangkumi **348 projek** yang telah berjaya memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance - CCC*), **17 projek** yang berstatus lewat kembali menjadi lancar dan **6 projek** terbengkalai yang berjaya dipulihkan melalui kaedah penyiapan projek sehingga memperoleh CCC/CFO dan kaedah penyelesaian pembeli.

Menurut YB Datuk Hajah Aiman Athirah, daripada jumlah pencapaian keseluruhan tersebut, sebanyak 25 projek (4,813 unit rumah) berjaya dipulihkan untuk tempoh 1 September 2024 hingga 30 September 2024 yang mana nilai GDV adalah sebanyak RM18.08 bilion. Salah satu pencapaian TFST pada bulan ini adalah pengurangan daripada 114 projek terbengkalai tersebut di mana satu (1) projek terbengkalai berjaya dipulihkan iaitu projek perumahan **Taman Sri Embun 1, Kuala Terengganu**. Projek terbengkalai ini berjaya dipulihkan sehingga memperoleh CCC dan seterusnya berjaya dikeluarkan daripada senarai projek terbengkalai.

YB Datuk Hajah Aiman Athirah menegaskan bahawa lawatan tapak dan pemantauan secara rapi merupakan langkah penting untuk memastikan kemajuan projek terus dipantau dengan lebih teliti. Melalui lawatan tersebut, pelbagai isu yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Teknikal, serta Agensi Penyedia Utiliti dapat diperhalusi untuk mencari penyelesaian terbaik. Sehingga 30 September 2024, sebanyak 33 projek telah dilawati oleh YB Timbalan Menteri, di mana lapan (8) projek telah berjaya memperoleh CCC.

KPKT mengalu-alukan kerjasama daripada Jabatan, Agensi, dan Badan Berkanun yang berminat untuk bersama-sama dalam usaha memulihkan projek perumahan swasta terbengkalai. KPKT sedang mempertimbangkan untuk melanjutkan pelantikan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP), Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) serta Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. bagi mempercepatkan pemulihan 113 projek perumahan terbengkalai yang telah dikenalpasti.

TFST akan terus diperkasa sebagai medium utama untuk mengenalpasti isu-isu yang menjejaskan industri perumahan di negara ini serta mengemukakan cadangan penyelesaian demi menjaga kepentingan pembeli dan kelestarian industri perumahan. YB Timbalan Menteri turut menyeru Pihak Berkuasa Negeri untuk bersama-sama berganding bahu dalam menangani masalah projek sakit dan terbengkalai di seluruh negara.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi

#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

